



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (31 DISEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini terdapat **dua (2) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,117 kes.**

A. Kes Baharu COVID-19

I. Daerah Miri: Saringan Individu Bergejala: (1 Kes Import -B)

Kes 1,116 merupakan seorang lelaki warga tempatan (bukan Sarawak) yang bekerja sebagai penolong juruterbang pesawat di sebuah syarikat penerbangan serantau yang mengendalikan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) di Sabah, Labuan dan Sarawak di bawah perkhidmatan yang penting di mana, kes perlu melakukan saringan COVID-19 secara berjadual. Kali terakhir kes ini melakukan saringan COVID-19 ialah pada 14 Disember 2020 di mana keputusan ujian rT-PCR dan kes didapati negatif.

Kes telah mendapatkan rawatan kesihatan dan menjalani saringan COVID-19 pada 29 Disember 2020 di sebuah hospital swasta kerana mengalami sakit tekak sejak 28 Disember 2020. Ujian rT-PCR kes didapati positif pada 30 Disember 2020.

Siasatan awal menunjukkan kes ini pernah melakukan tugas penerbangan bermalam, pergi dan balik ke Kota Kinabalu, Sabah dari Miri, Sarawak pada 21, 24 dan 26 Disember 2020 sebelum mengalami tanda dan gejala jangkitan COVID-19 pada 28 Disember 2020.

Semasa kes mengalami sakit tekak pada 28 Disember 2020, kes pernah melawat beberapa premis makanan dan pusat membeli-belah di sekitar Bandaraya Miri. Pada 30 Disember 2020, kes telah melakukan penerbangan dari Miri ke Lawas, Ba' kelalan dan Bario. Kes juga pernah mengunjungi beberapa premis makanan di Lapangan Terbang Miri dan sebuah restoran di Bandaraya Miri sebelum dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut pada malam 30 Disember 2020.

Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu di Sabah. Siasatan terperinci pergerakan dan pengesanan semua kontak rapat kepada kes ini sedang giat dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Miri.

II. Daerah Miri: Saringan Individu Balik Dari Semenanjung Malaysia: (1 Kes Import-B)

Kes 1,117 merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang baru balik dari Kuala Lumpur melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-2) pada 27 Disember 2020. Kes sebelum ini pernah bekerja sebagai juruteknik di Johor sejak bulan Januari 2020 sebelum berpindah dan bekerja sebagai pengawal keselamatan sementara di Pulau Pinang pada 21 hingga 24 Disember 2020. Pada 25 Disember 2020, kes telah balik ke Kuala Lumpur dan bermalam di Tasik Bandar Selatan sebelum balik ke Miri, Sarawak pada 27 Disember 2020.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Miri, kes telah dimasukkan ke pusat kuarantin hotel untuk menjalani arahan kuarantin wajib 10 hari di pusat kuarantin dan 4 hari di rumah. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 29 Disember 2020 dan keputusan ujian rT-PCR kes didapati positif COVID-19 pada 31 Disember 2020.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan dan telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Berdasarkan siasatan awal, kes ini dikategorikan sebagai kes Import B yang kemungkinan telah mendapat jangkitan semasa berada di Johor atau Pulau Pinang. Pengesanan kontak rapat dan kontak sosial kepada kes ini sedang giat dilakukan.

B. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital

Terdapat **satu (1)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,069** orang atau **95.70%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **27** orang iaitu:

- 11 kes di Hospital Umum Sarawak;
- Tujuh (7) kes di Hospital Miri;
- Lima (5) kes di Hospital Bintulu; dan
- Empat (4) kes di Hospital Sibu.

Hari ini, **lapan (8) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

C. Kawalan Dan Pengesanan Kes Aktif Di Daerah Maradong, Sarikei.

Susulan pengesanan satu kes di Rumah Uming, Sg. Mador, Meradong pada 30 Disember 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menjalankan aktiviti pengesanan kes secara aktif ke atas semua kontak kepada kes tersebut.

Setakat jam 12:00 tengahari 31 Disember 2020, seramai 31 orang kontak rapat kepada kes ini telah dikenal pasti dan telah dimasukkan di pusat kuarantin di Sarikei dan Sibu bagi menjalani pengasingan dan kuarantin selama 14 hari. Saringan pertama swab COVID-19 bagi ujian rT-PCR juga telah diambil dan dihantar ke Hospital Sibu untuk dianalisa. Setakat ini, kesemua ujian saringan masih menunggu keputusan. Swab saringan kedua pada hari 10 juga akan dilakukan sebelum mereka akan dibenarkan pulang ke rumah.

Jabatan Kesihatan Bahagian Sarikei dengan bantuan agensi-agensi lain di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sarikei juga sedang melakukan saringan ke atas semua penduduk di Rumah Uming, Sg Mador bagi memastikan tiada penduduk telah dijangkiti. Anggaran jumlah penduduk yang akan disaring ialah seramai 120 orang. Saringan ke atas 11 orang penumpang yang menaiki penerbangan yang sama dengan kes yang sedang berada di Sarikei telah didapati negatif untuk COVID-19. Pengesanan ke atas semua kontak rapat lain kepada kes ini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Sibu dan Pejabat Kesihatan Bahagian Sarikei.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ini mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan bantuan dari semua agensi yang terlibat dalam aktiviti ini dan juga kerjasama semua penduduk di Rh. Uming, Sg, Mador yang telah diberikan semasa aktiviti pengawalan dan pengesanan kes secara aktif ini.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak

Hari ini, **Daerah Kuching, Sibul, Bintulu dan Lawas kekal berstatus Kuning** dengan jumlah keseluruhan lima (5) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Sibul (2), Kuching (1), Bintulu (1) dan Lawas (1). Manakala 36 daerah lain kekal berstatus hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan **dua (2) kompaun** di Daerah Kuching kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **76 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (20), SMC (15), DBKU (10), MD Marudi (10), MD Lawas (7), MDDM (6), BDA (3), MBKS (2), MD Serian (2) dan MPKS (1).

3. UCAPAN SELAMAT TAHUN BAHARU 2021

Sepanjang tahun 2020, Negeri Sarawak telah menghadapi pelbagai situasi terutama sekali pandemik COVID-19. Semua cabaran dan rintangan dalam pengurusan bencana dapat diuruskan dengan berkesan dan teratur dalam keadaan norma baharu dan kita telah berjaya menguruskannya.

Oleh itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Kabinet dan Ahli Yang Berhormat yang telah banyak menyokong dan bersama-sama mengekang penularan wabak COVID-19 dan juga kepada seluruh jentera Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Negeri, Bahagian dan Daerah yang sama-sama bertungkus lumus dalam memastikan pengurusan di peringkat masing-masing berjalan dengan lancar dan teratur.

Tidak dilupakan juga kepada semua barisan hadapan yang telah banyak berkorban sepanjang tahun 2020 ini untuk memastikan semua rakyat negeri Sarawak selamat daripada wabak COVID-19 dan rakyat negeri Sarawak dari Lundu hingga ke Lawas yang sentiasa berdisiplin turut main peranan dalam mematuhi arahan PKP, PKPB, PKPD dan PKPP sehingga memudahkan para petugas barisan hadapan menangani krisis ini.

Terima kasih kepada semua penderma dari dalam dan luar negeri yang telah menyumbang dalam bentuk tunai dan peralatan bagi memastikan keperluan mengurus wabak ini tidak terputus. Hasil daripada usaha bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh semua pihak, negeri Sarawak telah dijadikan contoh terbaik kepada negeri-negeri lain dalam menguruskan wabak ini sehingga kita dapat melandaikan lengkung kes positif.

Dengan momentum yang kita amalkan ini, Sarawak akan dapat menjadikan negeri ini selamat dan bersama kita pastikan segala SOP, penjarakan fizikal dan kebersihan diri yang tinggi dapat diamalkan. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2021.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

31 DISEMBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

| | | | | |
|--|----------------|---|--------------|--------------------|
| Cumm. Positive Cases | 1115 | Total Cases still in ward | 27 | 2.42% |
| New Cases | 2 | Cases in Intensive Care Unit (ICU) | 0 | 0.00% |
| Total Samples by Individu | 212,365 | Intubated Cases | 0 | 0.00% |
| Cumm. Positive Cases | 1117 | Total Death Cases | 19 | 1.70% |
| IR per 100,000 population | 36.21 | Recovered and discharged cases | 1,069 | 95.70% |
| Lab. Results (PUI) | New | Cummulative | New | Cummulative |
| Negative | 0 | 10,000 | 8 | 11,117 |
| Pending Result | 0 | 0 | | |
| Patient Under Investigation (PUI) | | | | |

| Current Status | SGH Kuching | Hospital Sibul | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Sungai Buloh | TOTAL |
|--|--------------------|-----------------------|-------------------------|----------------------|------------------------------|--------------|
| Patients still in ward | 11 | 4 | 5 | 7 | 0 | 27 |
| Kes di Intensive Care Unit (ICU) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Intubated cases | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Total Death Cases | 17 | 0 | 0 | 2 | 0 | 19 |
| Recovered and discharged cases | New | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| | Cummulative | 888 | 45 | 50 | 80 | 1065 |
| Total re-admission cases (Re-tested Positive) | 9 | 9 | 3 | 1 | 0 | 22 |

| DAERAH KUNING (4) | | | | | | | | | | | | |
|--------------------------|---------------|------------------------------------|-------------|---------------------|-------------|-------------------|-------------|-----------------|-------------|--|--|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Lawas | 0 | 30 | 0 | 12 | 0 | 11 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 2 | Bintulu | 0 | 334 | 0 | 55 | 0 | 50 | 0 | 0 | 5 | 5 | 1 |
| 3 | Sibu | 0 | 133 | 0 | 27 | 0 | 25 | 0 | 0 | 2 | 2 | 1 |
| 4 | Kuching | 4 | 7,526 | 0 | 731 | 1 | 711 | 0 | 12 | 8 | 11 | 1 |
| Jumlah | | 4 | 8023 | 0 | 825 | 1 | 797 | 0 | 12 | 16 | 19 | 4 |

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

| DAERAH HIJAU (36) | | | | | | | | | | | | |
|-------------------|---------------|-----------------------------|--------------|--------------|------------|------------|------------|----------|----------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Serian | 0 | 337 | 0 | 27 | 0 | 27 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Miri | 3 | 920 | 2 | 65 | 0 | 58 | 0 | 1 | 6 | 7 | 0 |
| 3 | Lundu | 0 | 262 | 0 | 8 | 0 | 7 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 4 | Limbang | 0 | 35 | 0 | 13 | 0 | 12 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Samarahan | 0 | 609 | 0 | 116 | 0 | 112 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Lubok Antu | 0 | 29 | 0 | 4 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 7 | Bau | 0 | 189 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Simunjan | 0 | 67 | 0 | 8 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Tanjung Manis | 0 | 23 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | Tebedu | 0 | 9 | 0 | 4 | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 11 | Asajaya | 0 | 46 | 0 | 7 | 0 | 5 | 0 | 0 | 2 | 2 | 0 |
| 12 | Sri Aman | 0 | 57 | 0 | 5 | 0 | 3 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 13 | Betong | 0 | 191 | 0 | 17 | 0 | 16 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 14 | Mukah | 0 | 48 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | Matu | 0 | 6 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 16 | Sarikei | 0 | 93 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17 | Saratok | 0 | 28 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 18 | Pusa | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 19 | Kabong | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 20 | Meradong | 0 | 36 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 21 | Julau | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 22 | Pakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 23 | Kanowit | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 24 | Selangau | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 25 | Tatau | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 26 | Sebauh | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 27 | Dalat | 1 | 15 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 28 | Daro | 0 | 7 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 29 | Kapit | 0 | 37 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 30 | Belaga | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 31 | Song | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 32 | Bukit Mabong | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 33 | Marudi | 0 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 34 | Subis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 35 | Beluru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 36 | Telang Usan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 4 | 3,094 | 2 | 292 | 0 | 272 | 0 | 7 | 13 | 14 | 0 |

| | | | | | | | | | | | |
|---------------------|----------|---------------|----------|--------------|----------|--------------|----------|-----------|-----------|-----------|----------|
| Jumlah Besar | 8 | 11,117 | 2 | 1,117 | 1 | 1,069 | 0 | 19 | 29 | 33 | 4 |
|---------------------|----------|---------------|----------|--------------|----------|--------------|----------|-----------|-----------|-----------|----------|

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **269 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **42 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,126 orang**. Manakala seramai **46,606 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 31.12.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|-------------------|------------------------|-------------------------|--------------|
| 1 | Kuching (1,855) | Hock Lee | 19 |
| 2 | | Kuching Park | 90 |
| 3 | | Pullman | 331 |
| 4 | | Hilton | 238 |
| 5 | | Harbour View | 125 |
| 6 | | Riverside (Astana Wing) | 151 |
| 7 | | Grand Margherita | 234 |
| 8 | | Imperial Boulevard | 242 |
| 9 | | Tune Hotel | 25 |
| 10 | | Dormani Hotel | 40 |
| 11 | | Grand Continental | 192 |
| 12 | | Meritin | 38 |
| 13 | | Longhouse | 66 |
| 14 | | Abell | 5 |
| 15 | | Lot 10 | 12 |
| 16 | | Telang Usan | 33 |
| 17 | | Imperial Riverbank | 14 |
| 18 | Miri (713) | Mega Hotel | 61 |
| 19 | | Somerset | 31 |
| 20 | | Imperial Palace | 116 |
| 21 | | Eastwood Valley | 70 |
| 22 | | Imperial New Wing | 47 |
| 23 | | Paragon | 56 |
| 24 | | Meritz | 105 |
| 25 | | Miri | 18 |
| 26 | | Dynasty | 141 |
| 27 | | Kenyalang Suite | 15 |
| 28 | | Citi Hotel | 32 |
| 29 | Nova | 21 | |
| 30 | Bintulu (242) | Wasan Inn | 35 |
| 31 | | Fairfield by Marriot | 91 |
| 32 | | Kidurong Inn | 42 |
| 33 | | Motel Kapok | 32 |
| 34 | | Faber Inn | 25 |
| 35 | AA Inn | 17 | |
| 36 | Limbang (97) | Purnama | 14 |
| 37 | | Seri Malaysia (Lawas) | 60 |
| 38 | | Mandarin (Lawas) | 23 |
| 39 | Sibu (59) | Premier | 59 |
| 40 | Samarahan (144) | INFRA | 77 |
| 41 | | Kolej Rafflesia, UNIMAS | 67 |
| 42 | Sarikei (16) | Garden Hotel | 16 |
| Jumlah PUS | | | 3,126 |

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **dua (2) lokasi di Kuching (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,121 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 31.12.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | OPERASI SEMASA | OPERASI TERKUMPUL |
|---------------------------|-----------------|-----------------------|--------------------------|
| 1 | Kuching | 1 | 713 |
| 2 | Miri | 1 | 437 |
| 3 | Sibu | TIADA | 201 |
| 4 | Samarahan | TIADA | 139 |
| 5 | Bintulu | TIADA | 121 |
| 6 | Sarikei | TIADA | 120 |
| 7 | Limbang | TIADA | 98 |
| 8 | Serian | TIADA | 72 |
| 9 | Betong | TIADA | 60 |
| 10 | Sri Aman | TIADA | 54 |
| 11 | Kapit | TIADA | 54 |
| 12 | Mukah | TIADA | 52 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 2,121 |

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **44 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 31.12.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---------------|-----------------|---------------|
| 1 | MP Padawan | 3 |
| 2 | MD Serian | 3 |
| 3 | MP Sibu | 9 |
| 4 | BDA | 2 |
| 5 | MCC | 14 |
| 6 | MD Marudi | 5 |
| 7 | MD Lawas | 8 |
| Jumlah | | 44 |